

## **Kesejahteraan psikologi semasa pandemik dan perintah kawalan pergerakan dalam keluarga golongan B40**

### **ABSTRACT**

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi keluarga terutamanya pasangan suami isteri. Hal adalah disebabkan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa untuk memastikan keperluan asas anak-anak dalam keluarga dipenuhi. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman yang dialami oleh sepasang suami isteri pada fasa awal perintah kawalan pergerakan semasa pandemik COVID-19. Pengkaji telah menjalankan temuramah secara mendalam dengan berpandukan satu set temubual separa berstruktur kepada sepasang suami isteri. Analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan. Hasil daripada temuramah yang dijalankan keputusan mendapati pengetahuan yang sangat terhad berkenaan COVID-19 menyebabkan berlakunya kebimbangan dan tekanan terhadap jangkitan COVID-19 sehingga mempengaruhi kesejahteraan psikologi responden.